

Bajet 2017 tumpu aspek sejahtera rakyat

Oleh **AZRUL HAKIMIE ANUER**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 15 OKT.**

BAJET 2017 yang akan dibentang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 21 Oktober ini menekankan usaha mensejahterakan rakyat terutama golongan berpendapatan sederhana (M40) dan kumpulan 40 peratus isi rumah berpendapatan terendah (B40).

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, dalam setiap pembentangan bajet sebelum ini, kerajaan tidak akan lari daripada menyediakan peruntukan untuk tiga perkara yang disifatkan sebagai tunjang iaitu pendidikan, kesihatan dan keselamatan.

Kata beliau, tiga perkara tersebut merupakan panduan dalam menyediakan bajet sejak tujuh tahun lalu.

“Kita sudah melakukan perediaan dan perdana menteri sedang memuktamadkan satu dua perkara lagi. Secara asasnya Bajet 2017 tidak akan lari daripada apa-apa perkara yang melibatkan mensejahterakan rakyat,”

Mingguan 16/10

Kerajaan tidak akan lari daripada menyediakan peruntukan untuk tiga perkara yang disifatkan sebagai tunjang iaitu pendidikan, kesihatan dan keselamatan.”

JOHARI ABDUL GHANI
Menteri Kewangan II

katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Perasmian HKL Pink October 2016: Bulan Kesedaran Kanser Payudara, di sini hari ini.

Yang turut hadir Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil dan Pengarah Hospital Kuala Lumpur, Datuk Dr. Zaininah Mohd. Zain.

Dalam perkembangan lain, Johari menyatakan rasa bimbangnya terhadap peningkatan pesakit kanser payudara yang dianggarkan bertambah sebanyak 4,000 kes setahun, dan berikutan itu beliau berharap masyarakat sedar akan kepentingan melakukan pemeriksaan

kesihatan secara lebih kerap.

Selain itu, beliau turut mencadangkan majikan supaya menyediakan insurans untuk kakitangan wanita sebagai sebahagian daripada tanggungjawab menjaga kebajikan pekerja.

“Jika dilihat kembali kos untuk mendapatkan rawatan kanser payudara ini agak mahal antara RM60,000 ke RM70,000 dan kalau mahu mengharapkan kepada wang simpanan mana mungkin seseorang itu menjalani rawatan.

“Saya cadangkan majikan belikan insurans kerana membeli insurans ketika masih sihat kadar premiumnya rendah,” katanya.

